



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**TEKS UCAPAN
YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

MAJLIS IFTAR RAMADAN HARMONI 2025

SEMPENA

**PROGRAM JOM MASAK BUBUR LAMBUK
PERPADUAN
PERINGKAT KEBANGSAAN 2025**

**8 MAC 2025 | SABTU
KERTEH, TERENGGANU**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Petang ini, kita berkumpul bagi meraikan **Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025** dan **Majlis Iftar Ramadan Harmoni** yang dianjurkan oleh **Kementerian Perpaduan Negara**.
2. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada negeri Terengganu yang sudi menjadi **tuan rumah** bagi penganjuran **Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Perpaduan Peringkat Kebangsaan** pada tahun ini.
3. Untuk makluman, **Program Jom Masak Bubur Perpaduan** merupakan kali keempat dianjurkan secara serentak di seluruh negara. Pada tahun ini, **sebanyak lebih 700,000 bekas bubur lambuk telah diedar serentak di seluruh negara** oleh Kementerian melalui Kawasan Rukun Tetangga.

4. Program ini bukan sahaja berjaya menghimpunkan dan menggerakkan warga KRT secara bersepadu, tetapi juga dapat mengeratkan perpaduan dalam kalangan masyarakat di pelbagai peringkat tanpa mengira latar belakang, kaum dan agama.
5. Melalui program ini juga kita dapat melihat **keterlibatan dan kebersamaan masyarakat** untuk menyediakan bubur perpaduan dan juga berbuka puasa bersama-sama yang menjadi lambang penyatuan dan perpaduan rakyat Malaysia.

PEMBANGUNAN KOMUNITI PROGRESIF

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Tahun ini, Kementerian akan meraikan **Sambutan Jubli Emas Rukun Tetangga**. Dalam tempoh 50 tahun ini, Rukun Tetangga telah melalui pelbagai evolusi untuk memperkukuhkan peranannya sebagai **penggerak dan pemangkin komuniti yang bersatu padu, sejahtera, mampan dan progresif**.
7. Pada tahun 2024 sahaja, sebanyak **59,601 aktiviti telah dilaksanakan oleh KRT menerusi lapan bidang tumpuan** iaitu Ekonomi dan Sara Hidup; Keselamatan dan Ketahanan Komuniti; Kepimpinan; Kesejahteraan Komuniti;

Pembelajaran Sepanjang Hayat; Alam Sekitar; Warisan dan Budaya serta Daya Cipta.

8. Di Negeri Terengganu ini, sebanyak **8 buah KRT telah berjaya dijadikan sebagai KRT Progresif pada tahun 2024** di bawah Fasa 1 Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif dan jumlah peruntukan yang disalurkan adalah **RM 811,800.00**.
9. Dalam siri lawatan saya ke Terengganu kali ini, saya turut berkesempatan mengadakan lawatan ke **KRT Rumah Murah Binjai** yang merupakan salah satu KRT Progresif bagi tahun 2025. KRT ini mengusahakan tanaman pelbagai sayuran seperti **terung, bendi dan kangkung dengan menggunakan kaedah hidroponik**. Bagi merancakkan lagi aktiviti ekonomi komuniti ini, Kementerian bersetuju untuk memberikan **peruntukan sebanyak RM 76, 500.00**.
10. Dengan adanya projek yang dilaksanakan ini, maka ianya akan dapat membantu usaha kerajaan untuk **meningkatkan pendapatan komuniti** terutama golongan B40, **mengurangkan kos sara hidup** dan membangunkan **RT Berdikari**.

PENUTUP

11. Syabas dan tahniah kepada **Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Terengganu** yang telah bertungkus lumus dalam menguruskan program ini dari awal hingga akhir serta semua pihak yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program ini.
12. Semoga segala usaha kita ini menjadi pemangkin perpaduan yang merupakan tonggak keamanan, keharmonian dan kemakmuran negara.

Sekian, terima kasih.